

PELAWAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal tempatan di negeri **Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempohnya bertaraf **Bumiputera atau Bukan Bumiputera (mengikut syarat kelayakan)** untuk mengemukakan sebut harga seperti berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Syarat Kelayakan	Tarikh Sebut Harga Dibuka	Tarikh Sebut Harga Ditutup
15/2019	Membekal, Memasang, Mengujilari Dan Mentauliah Sistem Kedatangan Dan Akses Pintu Di Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).	Bertaraf Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar dalam kod bidang 140501 – sistem elektronik.	3 Julai 2019 (Rabu)	11 Julai 2019 (Khamis), Jam 12.00 tengah hari
16/2019	Menyewa Dan Menyelenggara Mesin Penyalin Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Mulai 2019 Untuk Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).	Bertaraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar dalam kod bidang 020201 – mesin-mesin pejabat dan aksesori.	3 Julai 2019 (Rabu)	11 Julai 2019 (Khamis), Jam 12.00 tengah hari
17/2019	Langganan Perkhidmatan <i>Cloud Backup And Recovery</i> (CBR) & <i>Cloud Disaster Recovery</i> (CDR) Selama Dua (2) Tahun Beserta Kerja-Kerja Berkaitan Untuk Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).	Bertaraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar dalam kod bidang 210106 – <i>data management – provide services including disaster.</i>	3 Julai 2019 (Rabu)	11 Julai 2019 (Khamis), Jam 12.00 tengah hari

2. Pembekal yang berminat untuk menyertai sebut harga ini **wajib** untuk menghadiri **taklimat sebut harga** ini.
3. Taklimat sebut harga akan diadakan pada:

Tarikh : 1 Julai 2019 (Isnin)
Masa : 9.30 pagi

**Tempat : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
Auditorium Aras 5, Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor**

4. **Mohon bawa bersama borang Senarai Semak Pelawaan Sebut Harga yang telah dilengkapkan semasa hadir taklimat.** Senarai Semak Pelawaan Sebut Harga ini boleh dicetak menerusi portal MQA www.mqa.gov.my
5. **Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada wakil syarikat yang sah sahaja.** Untuk maksud ini, **wakil syarikat dikehendaki membawa perakuan/sijil asal dan satu salinan yang masih dalam tempoh sah laku semasa hadir taklimat** seperti yang disenaraikan di bawah:

No. Sebut Harga	Tajuk	Sijil-sijil
15/2019	Membekal, Memasang, Mengujilari Dan Mentauliah Sistem Kedatangan Dan Akses Pintu Di Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	(i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia; (ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika syarat memerlukan pembekal bertaraf Bumiputera); (iii) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan (iv) profail syarikat.
16/2019	Menyewa Dan Menyelenggara Mesin Penyalin Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Mulai 2019 Untuk Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	(i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia; (ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika syarat memerlukan pembekal bertaraf Bumiputera); (iii) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan

No. Sebut Harga	Tajuk	Sijil-sijil
		(iv) profail syarikat.
17/2019	Langganan Perkhidmatan <i>Cloud Backup And Recovery</i> (CBR) & <i>Cloud Disaster Recovery</i> (CDR) Selama Dua (2) Tahun Beserta Kerja-Kerja Berkaitan Untuk Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).	(i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia; (ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika syarat memerlukan pembekal bertaraf Bumiputera); (iii) Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan (iv) profail syarikat.

6. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dituliskan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat berkenaan tajuk sebut harga dan nombor sebut harga. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan:

Tarikh : 11 Julai 2019 (Khamis)
Masa : sebelum 12.00 tengah hari
Tempat : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
 Lobi, Mercu MQA
 No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
 63000 Cyberjaya
 Selangor

7. Tawaran sebut harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup pelawaan tidak akan dipertimbangkan.
8. **Pembekal dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butiran dokumen sebut harga** sebelum mengemukakan tawaran dan menjadi tanggungjawab pembekal untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak MQA.
9. Pegawai MQA atau ahli keluarga atau saudara terdekat mereka adalah dilarang daripada menyertai sebut harga ini. Pembekal yang menyertai tawaran ini

hendaklah memastikan tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga terdekat dengan pegawai MQA.

10. Keputusan sebut harga adalah MUKTAMAD dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
11. Sekiranya pihak tuan tidak menerima sebarang maklum balas daripada pihak MQA dalam tempoh 45 hari dari tarikh tawaran ini ditutup, permohonan tuan dianggap tidak berjaya.